

Tema-tema Pemikiran Muhammad Iqbal dalam Penyelidikan Ilmiah Tinggi di Malaysia

Themes of Muhammad Iqbal's Thoughts in Malaysia's Scientific Research

Siti Maryam Isa¹, Muhamad Razak Idris²

ABSTRAK

Para sarjana di Malaysia telah menulis dalam pelbagai tajuk mengenai aspek pemikiran Muhammad Iqbal. Sebanyak 15 tema ilmu diklasifikasikan daripada 25 karya ilmiah mengenai pemikiran Muhammad Iqbal iaitu biografi, pendidikan, masyarakat, politik dan kenegaraan, ijtihad, pembaharuan, kebudayaan, penyatuan ummah, sastera, sains, tafsir, kebangkitan Islam, tamadun, epistemologi, dan mistisisme. Kajian terhadap tema-tema pemikiran ini masih belum diselidiki secara terperinci oleh para sarjana di Malaysia. Oleh itu, kajian berbentuk kualitatif ini bertujuan untuk mengenalpasti tema-tema utama pemikiran Muhammad Iqbal yang menjadi kecenderungan sarjana di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan kecenderungan sarjana dalam pemilihan tema pemikiran Muhammad Iqbal sebagai fokus kajian membuktikan pemikiran Muhammad Iqbal masih ideal dan relevan serta penting untuk dimanfaatkan oleh umat Islam khususnya di Malaysia.

Kata kunci: tema, pemikiran, Muhammad Iqbal, karya ilmiah

ABSTRACT

Scholars in Malaysia has written on various topics concerning aspects of the thought of Muhammad Iqbal. A total of 15 themes of science can be classified from 25 scientific papers about the thought of Muhammad Iqbal, namely biography, education, society, politics and nationalism, ijtihad, reform, cultural, community integration, literature, science, tafsir, the rise of Islam, civilization, epistemology, and mysticism. The study of the themes of this idea has yet to be investigated in detail by scholars in Malaysia. The qualitative study is intended to identify the major themes in studies related to Muhammad Iqbal among scholars in Malaysia. Findings shows scholar's tendency in choosing themes for Muhammad Iqbal's focus of study and the relevancy of Muhammad Iqbal's thought in current Muslim society especially in Malaysia.

Keywords: theme, thought, Muhammad Iqbal, scientific paper

Pengenalan

Muhammad Iqbal (1873 – 1938) menyumbang idea pemikirannya dalam pelbagai aspek pemikiran Islam. Kesemua karya beliau samada dalam bidang puisi dan falsafah bertujuan membawa Muslim keluar dari kemunduran dan mengatasi sikap konservatif serta kepasifan dalam kehidupan bagi menghadapi cabaran-cabaran di dunia moden (Mohd. Abbas 2011). Sehingga ke hari ini, idea pemikirannya yang luas masih dikaji dan diselidiki oleh

¹ Siti Maryam Isa, Calon Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
maryamisa100@gmail.com

² Muhamad Razak Idris, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
muhdrzak@gmail.com / mrazak@ukm.edu.my

kebanyakan sarjana di seluruh dunia. Para sarjana di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menerbitkan karya ilmiah mengenai pelbagai aspek pemikiran Muhammad Iqbal.

Kajian mengenalpasti sebanyak 25 karya mengenai Muhammad Iqbal telah dihasilkan dalam bentuk penulisan ilmiah tinggi. Tesis terakhir mengenai Muhammad Iqbal ditulis pada tahun 2011 iaitu *An Analysis of Conceptions and Practices of Pakistani Educators in Private Islamic School in Sight of Iqbal's Educational Philosophy* oleh Muhammad Abid Ali. Semenjak itu, tiada tesis yang ditulis melainkan artikel jurnal yang terbaru pada tahun 2014 iaitu *Pemikiran Politik dan Kenegaraan Muhammad Iqbal* oleh Abdullah Firdaus, Idris Zakaria, dan Mohd. Nasir Omar dan *A Study on Muhammad Iqbal's Framework of Ijtihad* oleh Adibah Abdul Rahim dan Anita Abdul Rahim. Manakala pada tahun 2015, hanya sebuah artikel yang diterbitkan iaitu *The Spirit of Muslim Culture According to Muhammad Iqbal* oleh Adibah Abdul Rahim.

Penelitian terhadap 25 karya ilmiah yang telah dihimpunkan mendapati para sarjana di Malaysia telah menulis dalam pelbagai tajuk mengenai aspek pemikiran Muhammad Iqbal. Sebanyak 15 tema ilmu dapat diklasifikasikan daripada 25 karya ilmiah tentang pemikiran Muhammad Iqbal iaitu kehidupan peribadi, politik dan kenegaraan, pendidikan, kebangkitan Islam, sastera, penyatuan Ummah, masyarakat, ijtihad, pembaharuan, kebudayaan, tafsir, tamadun, epistemologi, keimanan dan sains. Namun demikian, kajian khusus mengenai aspek pemikiran Muhammad Iqbal dalam penerbitan penulisan ilmiah di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia masih belum diselidiki dan dikaji secara khusus. Aspek pemikiran Muhammad Iqbal yang universal perlu dikaji dan diterokai tanpa mengulang fokus kajian yang sama. Pengulangan fokus kajian yang sama tanpa mencari langkah penyelesaian kepada sesuatu masalah yang ditinggalkan oleh kajian lepas perlu dielakkan.

Oleh itu, analisis khusus mengenai isu-isu yang menjadi tumpuan penyelidikan sarjana menjadi fokus kajian ini dan mengenalpasti tema-tema utama pemikiran Muhammad Iqbal yang menjadi kecenderungan sarjana di Malaysia. Sejajar dengan keperluan untuk menganalisa karya ilmiah tinggi dan tema-tema pemikiran Muhammad Iqbal, Mohamad Khairi (2008) dalam kajian tesisnya *Epistemologi Islam Menurut Iqbal* juga menggalakkan generasi pengkaji seterusnya melakukan penerokaan terhadap pemikiran tokoh dari perspektif yang lain. Baginya, melalui penerokaan terhadap pemikiran tokoh akan menyumbang kepada pemerayaan khazanah intelektual Islam dan pengembalian keagungan umat Islam khususnya di Malaysia dan umumnya di dunia Islam (Mohamad Khairi 2008).

Biografi Muhammad Iqbal

Muhammad Iqbal dilahirkan pada 22 Februari 1873 di Sialkot yang terletak di Punjab, Barat Pakistan (Maitre 1950; Siddiqi 1965; Qadir 1975) dan beliau meninggal dunia pada 21 April 1938 di Lahore (Hafeez 1971). Persekitaran dan didikan yang tinggi dengan nilai-nilai Islam sejak kecil yang diterima Muhammad Iqbal oleh kedua-dua ibu bapanya yang taat beragama menjadi faktor yang membentuk perwatakan beliau dalam memandang Islam sebagai sumber kekuatan dalam hidup ini (Mohd. Abbas 2011 & Abdullah et al. 2014).

Beliau telah menerima pendidikan awal di bandar kelahirannya, Sialkot pada usia yang sangat muda (Maitre 1950 & Qadir 1975). Gurunya, Sayyid Mir Hasan telah menyakinkan Muhammad Iqbal untuk menyambung pelajarannya ke peringkat tinggi di Murray College. Pada 5 May 1893, Muhammad Iqbal masuk ke kolej dengan mengambil kursus dalam sastera liberal dan menamatkan pengajiannya pada tahun 1895. Dalam tahun yang sama iaitu pada 1895, Muhammad Iqbal menyambung pengajiannya pada tahap sarjana muda dan sarjana di Government College, Lahore serta menyempurnakan pengajian sarjananya pada tahun 1899 (Hafeez; Lynda 1971; Siddiqi 1965).

Selepas itu, Muhammad Iqbal menjadi pensyarah di Government College (Siddiqi 1965:6). Gurunya di Government College, Profesor Arnold memberi cadangan kepada Muhammad Iqbal untuk menyambung pengajian tinggi di Universiti Cambridge yang terletak di England (Hafeez; Lynda 1971; Mohd. Abbas 2011). Selepas Muhammad Iqbal menamatkan pengajiannya dalam bidang falsafah di Universiti Cambridge pada 1905, Muhammad Iqbal menyambung pengajiannya pada peringkat kedoktoran di Universiti Munich, Jerman (Mohd. Abbas 2011; Abdullah Firdaus et al. 2014). Beliau melengkapkan ijazah kedoktorannya di universiti Munich, menerusi sebuah disertasi yang berjudul *The Development of Metaphysics in Persia* dan beliau dianugerahi gelaran *doctoris philosophiae gradum* pada 4 November 1907 (Hafeez; Lynda 1971).

Karya Muhammad Iqbal yang terdiri dari pelbagai aspek pemikiran ditulis menggunakan tiga bahasa berbeza iaitu bahasa Parsi, Urdu dan Inggeris. Karya-karya Muhammad Iqbal membincangkan pelbagai aspek kehidupan dan pemikiran seperti mengenai ketuhanan dan ego manusia, pemikiran dan cinta, masyarakat dan individu, manusia dan negara, agama dan sains, Islam dan Barat, *matter* dan *spirit*, kehidupan alam semula jadi dan manusia, dan kreativiti (Muhammad Uthman 2002). Karya beliau juga telah diterjemah oleh cendekiawan ke dalam pelbagai bahasa utama dunia seperti Perancis, German, Arab, Parsi, Rusia, Itali, Melayu dan lain-lain. (Mohd. Abbas 2011). Sumbangan Muhammad Iqbal di dunia Islam juga meliputi pelbagai aspek seperti keilmuan, pendidikan, politik, sastera, dan isu semasa umat Islam. Pengaruh, impak dan sumbangan Muhammad Iqbal dalam dunia Islam ialah sesuatu yang tidak boleh dipandang ringan dalam wacana pemikiran Islam. Sehingga ke hari ini, pemikirannya masih dikaji dan diselidiki oleh kebanyakan sarjana di seluruh dunia.

Metodologi Kajian

Kajian ini ialah berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan dan tematik. Metode analisis kandungan digunakan bagi meneliti dan mengkaji kesemua 25 karya ilmiah yang terdiri daripada tesis, disertasi, dan esei ilmiah yang dikaji khusus mengenai pemikiran Muhammad Iqbal. Fokus analisis ialah mengenalpasti isu-isu yang menjadi tumpuan penyelidikan mereka seterusnya menggunakan pendekatan tematik terhadap hasil-hasil data kualitatif yang diperolehi. Menurut Braun V di dalam tesis Maryam Habibah (2015), pendekatan tematik merupakan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan menghasilkan laporan tema-tema yang wujud di dalam data-data yang diperolehi. Sehubungan itu, pengkaji mengenalpasti sebanyak 15 tema pemikiran Muhammad Iqbal yang terdapat dalam penulisan ilmiah tinggi. Menerusi metodologi kajian yang dilakukan, pengkaji juga dapat mengetahui aliran pemikiran pengarang dan penekanan isu yang diberikan.


Tema-tema Pemikiran Muhammad Iqbal dalam Penyelidikan Ilmiah Tinggi di Malaysia

Menurut Kamus Dewan (2005) tema bermaksud subjek yang menjadi dasar sesuatu pembicaraan, wacana, karangan, cerita, tajuk, pokok. Ringkasnya, subjek atau fokus utama dalam sesuatu karya disebut sebagai tema. Sehubungan itu, tema-tema pemikiran dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada fokus utama mengenai pemikiran Muhammad Iqbal dalam penyelidikan ilmiah tinggi di Malaysia. Berasaskan konteks kajian, bentuk tema-tema dalam kajian ini hanya diklasifikasikan sebagai satu tema sahaja dan bukannya berbentuk gabungan beberapa tema. Untuk mendapatkan tema-tema berkenaan, pengkaji

telah membaca dan melihat fokus penulis dalam karya masing-masing dan tajuk kepada karya mereka.

Tema-tema yang dikenal pasti dalam penulisan ilmiah tinggi ialah tema biografi, pendidikan, masyarakat, politik dan kenegaraan, ijihad, pembaharuan, kebudayaan, penyatuan ummah, sastera, sains, tafsir, kebangkitan Islam, tamadun, epistemologi, dan mistisisme. Hasil pembacaan dan penelitian terhadap karya ilmiah pemikiran Muhammad Iqbal di Malaysia telah mendapati setiap karya ilmiah mengandungi salah satu tema yang dinyatakan sebelum ini. Pembahagian tema dapat dilihat daripada carta 1 di bawah ini:

Carta 1:Tema-tema Pemikiran



Berdasarkan carta 1 di atas, didapati bahawa tema terbanyak yang diterbitkan adalah tema sastera iaitu sebanyak 4 buah karya atau 16% , kemudian tema kebangkitan Islam serta politik dan kenegaraan masing-masing sebanyak 3 buah karya atau 12%. Seterusnya diikuti tema pendidikan, kebudayaan dan epistemologi masing-masing sebanyak 2 karya atau 8% dan akhirnya, tema-tema yang paling sedikit diterbitkan dengan sebanyak 1 karya sahaja atau 4% iaitu biografi, masyarakat, ijihad, pembaharuan, penyatuan umat, sains, tafsir, tamadun, dan mistisisme. Berikut adalah ulasan dan huraian tema mengikut turutan dari yang paling banyak hinggalah yang paling sedikit diterbitkan dimulai dengan tema sastera.

Tema Terbanyak Diterbitkan

Hasil dari carta pembahagian tema diatas menunjukkan tema sastera adalah tema yang terbanyak diterbitkan dan menjadi pilihan para sarjana dalam kajian mereka berkaitan pemikiran Muhammad Iqbal di Malaysia. Terdapat empat buah karya ilmiah yang membicarakan mengenai sastera Muhammad Iqbal. Tajuk-tajuk karya ilmiah yang menggunakan tema ini adalah "*Straying Imagination, Righteous Intuition*": *The English Romantic Movement and The Islamic Movement of Muhammad Iqbal (1873-1938)* oleh Aimillia Mohd Ramli, *Significance of Iqbal's Wisdom Poetry* oleh Muhammad Suheyl Umar, *Peradaban Barat dalam Puisi Iqbal: Suatu Pendekatan Hermeneutika* oleh Erfi Firmansyah, dan *Iqbal and the Malay World* oleh Muhammad Uthman El-Muhammady.

Sekiranya ditinjau, tema sastera menjadi trend dan popular melebihi tema-tema yang lain dalam pemilihan tema pemikiran Muhammad Iqbal oleh para sarjana kerana Muhammad Iqbal sememangnya diketahui umum sebagai penyair- ahli falsafah yang unik dan berbakat. Bagi Muhammad Uthman (2002), Muhammad Iqbal ialah seorang pemikir dan penyair yang berkaliiber tinggi. Gubahan sastera Muhammad Iqbal mampu mempengaruhi para pembaca mengalami keindahan di dalam puisinya. Kemudiannya para pembaca berkeinginan pula untuk menjadikan kualiti-kualiti indah tadi wujud di dalam jiwa mereka (Muhammad Uthman 2002). Manakala Umar (2002) pula mengklasifikasikan karya puisi Muhammad Iqbal dalam tahap tertinggi diantara lima kategori definisi puisi yang dinyatakan di dalam karya ilmiah beliau.

Muhammad Iqbal ialah seorang penyair yang mempunyai pemikiran intelektual (*intellectual conception*) dan ekspresi gerak hati (*intuition expression*) di mana maksud dalaman lebih mendominasi daripada bentuk luaran syair (Umar 2002). Sehubungan itu, Muhammad Iqbal menyumbang banyak dalam memberi kesedaran agama kepada umat Islam. Antara sumbangan berkenaan dapat dilihat menerusi keistimewaan yang wujud pada puisi Muhammad Iqbal. Aimillia (2011) mengekspresi keistimewaan ini dengan menerangkan bagaimana Muhammad Iqbal memilih untuk tidak mengalah kepada idea panteisme dan pengidealan imaginasi yang melampau. Sebaliknya, Muhammad Iqbal melihat peranan dalam imaginasi, kepentingan dan gerak hati dalam mewujudkan cinta yang teramat bagi Allah Ta'ala dalam diri manusia. Ciri lain yang membezakan puisi Muhammad Iqbal dari yang lain adalah disebabkan aspek 'keimbangan sedar' (*conscious concerns*) terhadap isu-isu penting kepada umat Islam di dalam puisinya. Keimbangan-keimbangan ini memberikan kunci untuk memahami fikiran Muhammad Iqbal yang psiko-dinamik dan membantu kita menghargai sebab-sebab puisi beliau menjadi begitu bermakna bagi umat Islam (Umar 2002).

Selain itu, pelbagai bahasan dalam puisi-puisi Muhammad Iqbal bersangkut paut dengan bidang falsafah dan pemikiran, agama dan kerohanian, peradaban dan budaya, seni, politik, pendidikan, ekonomi dan kemasyarakatan (Firmansyah 2008). Hal ini membuka kepada perkembangan pemikiran Islam di tanah air kita menerusi penerokaan terhadap hasil karya Muhammad Iqbal sepertimana yang dilakukan oleh para cendekiawan di tanah Melayu. Para cendekiawan samada di Malaysia atau Indonesia menterjemah karya-karya dan meneroka aspek pemikiran Muhammad Iqbal seperti yang dinyatakan di dalam karya ilmiah Muhammad Uthman (2002). Sebagai penyair-ahli falsafah yang universal, mesej-mesej Muhammad Iqbal dalam kandungan puisinya amat relevan untuk kemaslahatan umat manusia sama ada di Barat ataupun di Timur termasuk pada dunia Melayu. (Muhammad Uthman 2002; Firmansyah 2008).

Tema Kedua Terbanyak Diterbitkan

Tema kebangkitan Islam serta politik dan kenegaraan juga diantara tema yang menjadi pilihan untuk dikaji dan ditulis. Terdapat tiga buah karya ilmiah yang membicarakan mengenai sastera Muhammad Iqbal. Tajuk-tajuk karya ilmiah yang menggunakan tema ini adalah *Iqbal's Ideas for The Restoration of Muslim Dynamism* oleh Mohd. Abbas Abdul Razak, *The Relevance of Muhammad Iqbal's Idea of Islamic Renaissance to Contemporary Debate on Asian Renaissance* oleh Osman Bakar, dan *Elements of Islamic Revivalism in Muhammad Iqbal's Secrets of The Self* oleh Ala Izzeldin Mohamed Osman.

Tema ini menjadi perhatian kerana kebanyakan sarjana mengaitkan Muhammad Iqbal dengan kebangkitan Islam. Bagi Mohd. Abbas (1997), Muhammad Iqbal wajar dipanggil

sebagai pendorong utama kebangkitan umat Islam kerana beliau menumpukan separuh dari hidupnya demi kajian teliti tentang Islam dari pelbagai sudut seperti undang-undang, tatanegara, kebudayaan, sejarah dan kesusasteraan. Muhammad Iqbal juga yakin bahawa Islam adalah punca kehidupan bagi membebaskan pandangan manusia dari batasan-batasan geografi. Minat dan perhatian utama Muhammad Iqbal berfokus pada kebangkitan dan dunia Islam di mana beliau banyak membuat rujukan terhadap keduanya (Osman Bakar 1997).

Menurut Osman Bakar (1997) ungkapan 'kebangkitan semula Islam' (*the reawakening of Islam*) juga digunakan oleh Muhammad Iqbal. Manakala berdasarkan penelitian yang dibuat oleh Mohamed Osman (2001) dalam karya ilmiahnya, beliau menyatakan Muhammad Iqbal ialah seorang revolusiner iaitu orang yang mencetus atau menyokong revolusi, seorang yang memiliki kebijaksanaan, dan tidak radikal. Muhammad Iqbal juga seorang revivalis (pembangkit semula) yang menghormati nilai-nilai terdahulu. Beliau membenci peniruan dan mengingatkan bangsanya akan kegemilangan-kegemilangan mereka sebelum ini, di mana mereka adalah pembawa pengetahuan dan kreativiti serta menggalakkan mereka untuk memulihkan kembali diri mereka seperti umat Islam terdahulu (Mohamed Osman 2001).

Tema kebangkitan Islam ini penting untuk dikaji dan diteliti kerana idea-idea Muhammad Iqbal dapat memberi inspirasi dan semangat kepada kebangkitan Islam dalam diri umat Islam. Mohamed Osman (2001) ada menyenaraikan 38 elemen kebangkitan Islam dalam *Secrets of Self* karya Muhammad Iqbal yang penting untuk kejayaan mana-mana kebangkitan Islam. Muhammad Iqbal berhajat untuk memulihkan kembali agama umat kepada Islam, mengembalikan maruah dan kegemilangan umat Islam yang pernah dinikmati ketika zaman keemasan Islam (Mohd Abbas 2011). Pemikiran orang Islam di suatu masa dahulu yang mampu mencipta, membuat penemuan baru dan berinovatif, kini telah menjadi kurang prolifrik, menghadapi kelusuan dan tidak berupaya untuk menjana pemikiran baru.

Menyedari cabaran besar yang dihadapi oleh umat Islam di zaman moden ini, kajian yang dilakukan oleh Mohd. Abbas (2011) berfokus kepada idea-idea Muhammad Iqbal bagi mengatasi situasi malang yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini. Seterusnya, Osman Bakar (1997) pula membincangkan beberapa aspek dari idea-idea keagamaan dan kefalsafahan Muhammad Iqbal yang secara langsung berkait dengan idea kebangkitan Asia "*Asian Renaissance*". Hasil penelitian dari karya ilmiah Osman Bakar (1997) sememangnya mendapati Muhammad Iqbal memainkan peranan dan memberi pelbagai sumbangan penting kepada pembangunan kebangkitan Asia serta banyak dari idea-idea Muhammad Iqbal masih relevan pada perbincangan kontemporari mengenai hal ini.

Seterusnya, diantara tema yang juga mendapat tempat kedua terbanyak diterbitkan ialah tema politik dan kenegaraan. Terdapat tiga buah karya ilmiah yang membicarakan mengenai politik dan kenegaraan Muhammad Iqbal. Tajuk-tajuk karya ilmiah yang menggunakan tema ini adalah *Pemikiran Politik dan Kenegaraan Muhammad Iqbal* oleh Abdullah Firdaus, Idris Zakaria, dan Mohd. Nasir Omar, *Political Reform in Contemporary Muslim Society in The Light of The Writings of Muhammad Iqbal* oleh Mohd. Taha Abdul Gapor, dan *Muhammad Iqbal: Gagasan Negara Islam dalam Asrari Khudinya* oleh Daud b. Zakaria. Muhammad Iqbal dikenali sebagai tokoh yang multi-dimensi, seorang ahli falsafah, seniman, dan ahli politik yang handal (Abdullah Firdaus et al. 2014). Muhammad Iqbal sebagai ahli politik yang handal dan aktif dalam aktiviti sosial dan politik dapat dibuktikan oleh pelbagai jawatan yang disandangnya dalam bidang politik.

Tema politik dan kenegaraan sebagai fokus kajian mendatangkan pelbagai manfaat kerana Muhammad Iqbal menyumbang banyak kepada kebangkitan politik dan agama umat Islam. Idea-idea politik dan kenegaraan Muhammad Iqbal banyak membantu pemimpin negara dalam berkhidmat untuk umat. Mereka menggunakan hujah-hujah Muhammad Iqbal untuk menggerakkan umat Islam melakukan pembaharuan dalam masyarakat masing-masing khususnya di Malaysia dan Indonesia (Muhammad Uthman 2002). Dalam menelusuri dan

meneliti tema politik dan kenegaraan dalam karya ilmiah pemikiran Muhammad Iqbal, idea Muhammad Iqbal sememangnya dapat dimanfaatkan terutama oleh para pemimpin kerana dalam mengetengahkan konsep politiknya, Muhammad Iqbal menjadikan sejarah dan ajaran Islam itu sendiri sebagai landasan berpolitik (Abdullah Firdaus et al. 2014). Muhammad Iqbal memilih untuk memberi penekanan terhadap ijtihad bagi membuat pembaharuan politik. Beliau percaya umat Islam perlu menjadikan Tawhid (*The oneness of God*) dan ijtihad sebagai sumber cara kehidupan dalam kehidupan intelektual dan emosi mereka. Bagi Muhammad Iqbal, Tawhid dan ijtihad adalah pra syarat untuk pembaharuan politik di dunia umat Islam (Abdul Gapor 1999).

Selain itu, bagi menangani krisis politik semasa umat Islam, Muhammad Iqbal menekankan keperluan pembangunan semula konsep dan pendekatan umat Islam kepada Islam. Beliau yakin umat Islam perlu memikirkan semula mengenai seluruh sistem Islam tanpa memutuskan hubungan dengan masa lalu. Di samping itu, menerusi karya ilmiah Abdullah Firdaus et al. (2014), pembaca dapat meneliti pandangan Muhammad Iqbal mengenai politik dan kenegaraan dalam beberapa bahagian iaitu konsep politik, bentuk pemerintahan dan system pentadbiran negara, konsep demokrasi, dan nasionalisme umat Islam.

Tema Ketiga Terbanyak Diterbitkan

Bagi tema pendidikan, kebudayaan dan epistemologi pula, masing-masing juga menjadi pilihan para sarjana untuk dijadikan tema kajian pemikiran Muhammad Iqbal. Walaupun pengkaji mendapati bilangan karya ilmiah bagi ketiga-tiga tema ini agak sedikit iaitu dua buah karya ilmiah bagi setiap tema, namun penerbitan daripada setiap karya ilmiah ini menyumbang kepada pemerikayaan khazanah intelektual Islam dan wacana pemikiran Islam khususnya di Malaysia.

Untuk tema pendidikan, terdapat dua buah karya ilmiah yang membicarakan mengenai pendidikan Muhammad Iqbal iaitu *Iqbal's Philosophy on Islamic Education : A Historical Perspective* oleh Mohd. Roslan dan Bahroni, I dan *An Analysis of Conceptions and Practices of Pakistani Educators in Private Islamic School in Sight of Iqbal's Educational Philosophy* oleh Muhammad Abid Ali. Tema pendidikan yang menjadi perhatian sarjana mempunyai kepentingannya tersendiri pada perkembangan pendidikan berasaskan Islam kerana Muhammad Iqbal ada membentangkan teori pendidikan dalam kerja saintifiknya yang bertajuk "*The Reconstruction of Religious Thought in Islam*" (Mohd. Roslan dan Bahroni 2011). Muhammad Iqbal telah menyumbang penyelesaian tidak ternilai bagi masalah pendidikan kerana beliau mempunyai sistem yang jelas yang dapat memberikan panduan dalam menghadapi pelbagai masalah berkaitan dengan soal pendidikan (Mohd. Roslan dan Bahroni 2011).

Antara kepentingan teori pendidikan Muhammad Iqbal yang dapat dilihat menerusi salah satu karya ilmiah pemikiran Muhammad Iqbal yang ditulis oleh Ali (2011) membincangkan isu islamisasi pendidikan dengan para pendidik yang berpengalaman yang terlibat secara aktif dalam pembangunan pendidikan dari perspektif Islam di sekolah masing-masing. Kajiannya mendapati terdapat seramai empat orang pendidik telah meneroka pelbagai idea objektif-objektif pendidikan dari falsafah Muhammad Iqbal. Idea ini juga telah dibincangkan dengan para pendidik yang lain dan hampir kesemuanya bersetuju bahawa falsafah Muhammad Iqbal dapat digunakan dengan berkesan dalam mengeluarkan objektif-objektif bagi sistem pendidikan berasaskan agama Islam.

Falsafah Muhammad Iqbal dipilih kerana tiga sebab utama. Pertamanya, Muhammad Iqbal mendefinisikan kualiti-kualiti dan ciri-ciri seorang Muslim secara mendalam di mana ia

dapat dimanfaatkan sebagai matlamat-matlamat dan objektif-objektif pendidikan. Kedua, Muhammad Iqbal telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan pada umat Islam kontemporari dan peradaban Barat dengan jelas. Beliau juga bersemangat dalam menetapkan terapi untuk merawat kelemahan-kelemahan umat Islam. Ketiga dan yang paling penting, Muhammad Iqbal diterima ramai di dalam dunia kontemporari (Ali 2011).

Seterusnya, berhubung dengan matlamat-matlamat pendidikan, Muhammad Iqbal menekankan pembangunan yang sewajarnya dalam keperibadian manusia dan mempertahankan bahawa individu sepatutnya didedahkan kepada semua bentuk pengalaman yang formatif dan mencabar (Mohd. Roslan dan Bahroni 2011).Sehubungan itu, Muhammad Iqbal juga menerima pandangan bahawa dalam diri manusia memerlukan harmoni diantara elemen kebendaan dan spiritual yang harus dipertimbangkan di dalam teori pendidikan (Mohd. Roslan dan Bahroni 2011).

Untuk tema kebudayaan, terdapat dua buah karya ilmiah yang membicarakan mengenai kebudayaan Muhammad Iqbal iaitu *The Spirit of Muslim Culture According to Muhammad Iqbal* oleh Adibah Abdul Rahim dan *A Critical Assessment of Muhammad Iqbal's Concepts of The Spirits of Muslim Culture and The Principle of Movement in The Structure of Islam* oleh Adibah bt. Abdul Rahim.

Pemilihan tema kebudayaan Muhammad Iqbal oleh sarjana sebagai fokus kajian adalah untuk mendedahkan idea-idea pemikiran Muhammad Iqbal mengenai kebudayaan umat Islam. Hal ini dapat dilihat melalui objektif kajian dalam karya ilmiah Adibah (1998) yang bertujuan untuk mendedahkan idea-idea Muhammad Iqbal mengenai pembangunan semula pemikiran keagamaan dalam Islam kepada umat Islam terutamanya konsep *the Spirit of Muslim Culture* dan *the Principle of Movement*

Sekiranya diteliti, konsep kebudayaan umat Islam Muhammad Iqbal tidak terbatas pada geografi, social, dan negara sebaliknya konsep kebudayaan ini mengandungi skop yang sangat luas dan merangkumi semua ekspresi aktiviti manusia. Bagi Muhammad Iqbal, kebudayaan umat Islam menggambarkan secara menyeluruh mengenai konsep diri (*concept of self*), konsep masyarakat (*concept of society*), dan konsep kehidupan sebagai satu pergerakan yang berterusan dalam masa. Semua konsep ini tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain dan mempunyai kaitan secara langsung dengan pandangan Muhammad Iqbal mengenai kebudayaan umat Islam (Adibah 2015).

Walaupun Muhammad Iqbal mempelajari pemikiran Barat secara mendalam, pandangan-pandangan beliau terhadap kebudayaan didasari dan dibentuk oleh ajaran al-Quran (Adibah 2015). Berkenaan kejiwaan kebudayaan umat Islam (*the spirit of Muslim culture*), Muhammad Iqbal membentangkan tiga sumber pengetahuan yang disebut di dalam al-Quran iaitu pengalaman dalaman (*inner experience*), alam semulajadi (*nature*) dan sejarah (*history*) dalam perbincangannya mengenai hal ini(Adibah 2015).

Selain itu, Adibah (1998) juga menyatakan dalam perbincangan Muhammad Iqbal mengenai kebudayaan umat Islam, perhatian utama Muhammad Iqbal bukan terletak pada menentukan apa yang membentuk kebudayaan tetapi objektif utamanya adalah membuat penilaian kritikal terhadap kejiwaan kebudayaan umat Islam (*the spirit of Muslim culture*) dan prinsip-prinsip asas yang memberi motivasi, inspirasi dan menghala umat Islam dalam kegiatan kebudayaan mereka. Di samping itu, bagi Muhammad Iqbal, kebudayaan adalah faktor paling penting bagi kehidupan sosial dan dasar perubahannya. Dalam menerangkan perubahan sosial, Muhammad Iqbal percaya kebudayaan memainkan peranan yang lebih besar dari faktor-faktor lain seperti ekonomi dan politik.

Untuk tema epistemologi, terdapat dua buah karya ilmiah yang membicarakan mengenai epistemology Muhammad Iqbal iaitu *Epistemologi Islam Menurut Iqbal* oleh Mohamad Khairi b. Mohd Yusoff dan *Seeing, Knowing, Believing: Iqbal on Faith in The Modern World* oleh Basit B. Koshul.

Tema epistemologi menjadi pilihan sarjana kerana mereka ingin membincangkan isu-isu penting yang berkait dengan epistemologi yang diutarakan oleh Muhammad Iqbal dan konsep-konsep yang menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu menurut Muhammad Iqbal. Selain itu, Muhammad Iqbal mengutarakan epistemologi yang berasaskan al-Quran dan tafsirannya (Koshul 2002). Koshul (2002) dalam karya ilmiahnya, mengfokuskan kajian untuk meneliti bagaimana Muhammad Iqbal melihat hubungkait yang rapat diantara krisis moden yang terdapat dalam keimanan dan epistemologi moden serta percubaan Muhammad Iqbal untuk mewujudkan epistemologi yang memenuhi perincian kritikal dari falsafah moden dan pemikiran saintifik.

Manakala karya ilmiah Mohamad Khairi (2008) lebih berfokus kepada kajian teori epistemologi Muhammad Iqbal secara khusus dari segenap aspek seperti mengenai bagaimana manusia dapat mencapai dan memperoleh pengetahuan atau epistemologi, alat-alat yang dimiliki oleh manusia untuk memperoleh pengetahuan, pembahagian ilmu, dan pembuktian yang dimiliki oleh manusia untuk memperoleh pengetahuan, pembuktian pengalaman kerohanian secara rasional, konsep yang menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu dan pandangan metafizik yang terhasil daripada epistemologinya yang merangkumi pandangan tentang manusia, alam semesta, waktu dan ruang serta Tuhan.

Tema Paling Kurang Diterbitkan

Seterusnya, berdasarkan hasil analisis peratusan tema-tema pemikiran Muhammad Iqbal di atas, tema pemikiran yang paling sedikit dipilih oleh sarjana adalah sebanyak 9 tema iaitu biografi, masyarakat, ijtihad, pembaharuan, penyatuan umat, sains, tafsir, tamadun, dan mistisisme. Setiap satu tema diwakili oleh satu karya ilmiah sahaja atau 4% dari keseluruhan peratusan tema pemikiran Muhammad Iqbal. Senarai setiap tema tersebut berserta karya ilmiah masing-masing boleh dilihat seperti dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Tajuk-Tajuk Karya Ilmiah

Tema	Tajuk-Tajuk Karya Ilmiah
Biografi	<i>Iqbal: An Analysis on His Life, Works, and Mission</i> oleh Mohd. Abbas Abdul Razak
Masyarakat	<i>Iqbal's Concept of Society</i> oleh Ismail Ab. Rahman
Ijtihad	<i>A Study on Muhammad Iqbal's Framework of Ijtihad</i> oleh Adibah Abdul Rahim dan Anita Abdul Rahim
Pembaharuan	<i>Iqbal and The Challenge of Reform Within the Muslim World</i> oleh Chanda Muzaffar
Penyatuan Umat	<i>Iqbal and Muslim Unity</i> oleh Sanusi b. Junid
Sains	<i>Ideas Regarding the New Perceptions of Space and Time</i> oleh Azizan Baharuddin
Tafsir	<i>Iqbal's Commentary on Surah al-Ikhlās</i> oleh Mustansir Mir
Tamadun	<i>Muhammad Iqbal's Thought on The Reconstruction of Muslim Civilization</i> oleh Maznah binti Mazlan
Mistisisme	<i>Iqbal's Relationship to Mysticism: His Reconciliation of Science and Religion</i> oleh Azizan Baharuddin

Walaupun sembilan tema pemikiran ini yang paling sedikit diterbitkan, ia menunjukkan kepelbagaian aspek pemikiran Muhammad Iqbal dan inisiatif dari sarjana untuk meneroka pemikiran Muhammad Iqbal dalam kajian mereka di peringkat yang tinggi. Tema-tema ini juga membuka ruang kepada peminat atau pengkaji yang lain untuk memperluaskan

lagi isu-isu dan persoalan yang berkaitan dengan tema-tema berkenaan atau meneroka aspek dan perspektif pemikiran Muhammad Iqbal yang lain.

Kajian ini juga diharap akan menimbulkan kesedaran kepada umat Islam di Malaysia mengenai kepentingan dan memahami aspek-aspek utama pemikiran Muhammad Iqbal yang boleh dimanfaatkan bagi pembangunan Islam di Malaysia pada hari ini dan akan datang. Ini adalah disebabkan keutuhan idea-idea Muhammad Iqbal dilihat mengandungi sumber dan dasar pengetahuan yang dinamik bagi membina keupayaan minda masyarakat Muslim untuk berdepan dengan pelbagai cabaran dunia kontemporari. Malah, kesemua karyanya dalam bidang puisi dan falsafah terutamanya bertujuan membawa umat Islam keluar dari kemunduran, kepercayaan karut, konservatif dan kepasifan dalam kehidupan ke arah bersiap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran di dunia moden.

Selain itu, Muhammad Iqbal juga banyak mengutarakan kepentingan perpaduan umat Islam dalam karya-karyanya. Memandangkan isu perpaduan umat Islam banyak diperbahaskan kebelakangan ini, penelitian terhadap pandangan Muhammad Iqbal mengenai persoalan ini amat digalakkan bagi mencari penyelesaian masalah terhadap isu perpaduan umat Islam. Idea-idea Muhammad Iqbal juga dapat memberi inspirasi dan semangat kepada kebangkitan Islam dalam diri umat Islam. Muhammad Iqbal berhajat untuk memulihkan kembali agama umat kepada Islam dan mengembalikan maruah dan kegemilangan umat Islam yang pernah dinikmati ketika zaman keemasan Islam (Mohd Abbas 2011: 397).

Kesimpulan

Kajian ini mendapati perkaitan idea pemikiran Muhammad Iqbal dengan isu-isu yang dibangkitkan dalam karya-karya ilmiah sarjana ini membuktikan pemikiran Muhammad Iqbal masih ideal dan relevan serta penting untuk dimanfaatkan oleh umat Islam khususnya di Malaysia. Sekiranya diperhati, idea dan aspek pemikiran Muhammad Iqbal amat bermanfaat bagi umat Islam tidak kira latar belakang sama ada ahli politik, pemerintah, ahli agama, penyelidik, penyair, pendidik, ahli falsafah, aktivis lantaran luasnya bidang pemikiran Muhammad Iqbal dan penyelesaian menerusi karya-karyanya. Justeru itu, umat Islam perlu mengambil peluang atas limpahan khazanah pengetahuan ini untuk dimanfaatkan kepada pembangunan agama dan umat Islam sendiri. Bagi peminat dan pengkaji pemikiran Muhammad Iqbal, amatlah dialu-alukan untuk terus mengkaji dan menerbitkan karya ilmiah yang berkaitan dengan pemikiran Muhammad Iqbal agar dapat menambah baik kajian-kajian sedia ada dan ditambah dalam kumpulan senarai karya pemikiran Muhammad Iqbal dalam penyelidikan ilmiah tinggi di Malaysia ini.

Rujukan

- Abdul Gapor, Mohd. Taha. 1999. Political Reform in Contemporary Muslim Society in The Light of the Writings of Muhammad Iqbal. Thesis Kuliyyah of Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia.
- Abdullah Firdaus, Idris Zakaria, Mohd. Nasir Omar. 2014. Pemikiran Politik dan Kenegaraan Muhammad Iqbal *Al-Hikmah* 6(2) 2014: 108-118.
- Adibah Abdul Rahim. 1998. A Critical Assessment of Muhammad Iqbal's Concepts of The Spirit of Muslim Culture and The Principle of Movement in The Structure of Islam. Tesis Kuliyyah of Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia.

- Adibah Abdul Rahim & Anita Abdul Rahim. 2014. A Study on Muhammad Iqbal's Framework of Ijtihad. *ISLAMIYYAT* 36(2) (2014): 5 – 13.
- Adibah Abdul Rahim. 2015. The Spirit of Muslim Culture According to Muhammad Iqbal. *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 5, No. 8, August 2015: 725-729.
- Aimillia Mohd Ramli. 2011. "Straying Imagination, Righteous Intuition": The English Romantic Movement and The Islamic Movement of Muhammad Iqbal (1873-1938). *International Conference of Humanities*. International Islamic University Malaysia.
- Ali, Muhammad Abid. 2011. An Analysis of Conceptions and Practices of Pakistani Educators in Private Islamic Schools in Light of Iqbal's Educational Philosophy. Disertasi Institute of Education, International Islamic University Malaysia.
- Daud Zakaria. 2008. Muhammad Iqbal: Gagasan Negara Islam dalam Asrari Khudinya. Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Firmansyah, Erfi. 2008. Peradaban Barat dalam Puisi Iqbal: Suatu Pendekatan Hermeneutika. Tesis Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Hafeez Malik(pnyt). 1971. Iqbal: Poet-Philosopher of Pakistan. Edisi Pertama. New York; London: Columbia University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koshul, Basit. 2002. Seeing, Knowing, Believing: Iqbal on Faith in The Modern World. *Intellectual Discourse* , Vol. 10, No.2, 181-192.
- Maitre, Luce-Claude. 1950. Introduction to The Thought of Iqbal. Pntrjmh: Mulla Abdul Majeed Dar. Karachi: Iqbal Academy.
- Mohd. Abbas Abdul Razak. 2011. Iqbal's Ideas for the Restoration of Muslim Dynamism. *Journal Of Islam In Asia*, Spl. Issue, No.2, Jun: 377- 402.
- Mohd. Abbas Abdul Razak. 2011. Iqbal: An Analysis on His Life, Works and Mission. *Journal of Islam in Asia*, Spl. Issue, No.4, December: 365-381.
- Mohamad Khairi Mohd. Yusoff. Epistemologi Islam menurut Iqbal. Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2008.
- Mohd. Roslan & I, Bahroni. 2011. Iqbal's Philosophy on Islamic Education : A Historical Perspective. *GJAT*, ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232-0482, Vol 1 Issue 1, Disember 2011: 15-24.
- Mohamed Osman, Ala Izzeldin. 2001. Elements of Islamic Revivalism in Muhammad Iqbal's Secrets of the Self. Tesis Kuliyyah of Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady .2002. Iqbal and the Malay World . *Intellectual Discourse*. Vol. 10. No.2: 155-169.
- Qadir, Sh. Abdul. 1975. Iqbal: The Great Poet of Islam. Edited by Muhammad Hanif Shahid.
- Siddiqi, Mazheruddin. 1965. The Image of The West in Iqbal. Lahore, India: Bazm-I Iqbal.
- Umar, Muhammad Suheyl. 2002. Significance of Iqbal's Wisdom Poetry. *Intellectual Discourse*, Vol.10, No.2, 125-138.